DOSM/DOSM.TERENGGANU/1.2022.SIRI 61

# SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN: PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 NEGERI TERENGGANU PADA 22 JUN 2022 BERTEMPAT DI DEWAN BESAR WISMA DARUL IMAN, KUALA TERENGGANU









**OBJEKTIF**

- Meningkatkan kesedaran tentang penemuan dan produk statistik yang diterbitkan.
- Membudayakan keputusan berasaskan bukti dalam mentadbir Daerah Pentadbiran, Mukim, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Parlimen dan DUN.
- Meningkatkan perkongsian maklumat banci dan statistik baru melalui rekod pentadbiran.
- Meningkatkan literasi serta jalinan kerjasama statistik.



# KEHADIRAN JEMPUTAN SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN: PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 NEGERI TERENGGANU

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu mewakili Menteri Besar Terengganu;
Setiausaha Kerajaan Terengganu;
Penasihat Undang-undang Negeri;
Pegawai Kewangan Negeri;
Timbalan Setiausaha Kerajaan Terengganu (Pengurusan);
Ahli Parlimen Kemaman;
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar (ADUN Bukit Tunggal);
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan (ADUN Bukit Payung);
Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Pentadbiran (ADUN Ladang);
Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau (ADUN Kuala Berang);
ADUN Ajil;
Wakil Ahli Parlimen;
Wakil ADUN;
Ketua jabatan persekutuan/negeri/badan berkanun;
Pihak berkuasa tempatan (PBT);
IPTA/ IPTS;
Syarikat swasta dan NGO;
Penghulu mukim;
Pelajar sekolah menengah/rendah; dan
Media tempatan.

# TAKLIMAT SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN: PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 NEGERI TERENGGANU

**PEMBENTANG:**
YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia
merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia 2020

**TAJUK KERTAS PEMBENTANGAN**
Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Negeri Terengganu

**KANDUNGAN PEMBENTANGAN:**
Dapatan Penerbitan Utama Banci Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran
Dapatan Penerbitan Statistik Subnasional DUN
Way Forward











## PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL PARLIMEN: NEGERI TERENGGANU




## PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN: NEGERI TERENGGANU



## LIPUTAN MEDIA

Program ini telah mendapat liputan media yang meluas daripada Berita RTM, BERNAMA, Sinar Harian The Malaysia Insight Selangor Journal ASTRO AWANI, Utusan Malaysia, KOSMO, Malaysia Kini Media Rasmi Menteri Besar Terengganu, TV Darul Iman, TeganuKita, Urus Setia Penerangan Darul Iman (UPDI), Berita PAS, MalaysiaAktif dan Terengganu Voice.




































# PAMERAN SEMPENA SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN: PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 NEGERI TERENGGANU



Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu




Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial Jabatan Perangkaan Malaysia



Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi/ Core Team Data Raya Jabatan Perangkaan Malaysia




Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu



PLANMalaysia@ Terengganu.



Majlis Bandaraya Kuala Terengganu,

# ASPIRASI DARIPADA EXCO KERAJAAN TERENGGANU



"PENEMUAN UTAMA DATA BANCI MALAYSIA 2020 MEMBANTU PIHAK KERAJAAN NEGERI DALAM MERANCANG PENYEDIAAN KEMUDAHAN PERUMAHAN, FASILITI KESIHATAN DAN MENINGKATKAN TAHAP ALAM SEKITAR YANG LEBIH BAIK DAN BERSASAR"

YB DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN, PERUMAHAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
MERANGKAP ADUN BUKIT TUNGGAL (N.12)




"SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN MEMBERIKAN INPUT PENTING KEPADA KERAJAAN NEGERI DAN SANGAT MUSTAHAK DALAM MENENTUKAN ARAH TUJU UNTUK TINDAKAN BAGI MASA HADAPAN"

YB DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
JAWATANKUASA PERDAGANGAN, PERINDUSTRIAN, PEMBANGUNAN WILAYAH DAN KESEJAHTERAAN PENTADBIRAN
MERANGKAP ADUN LADANG (N.15)




"SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN MEMBERIKAN PANDUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI DALAM MEMBUAT PERANCANGAN BAGI PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM YANG BERSESUAIAN TERUTAMANYA GOLONGAN TUA YANG SEMAKIN MENINGKAT"

YB DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH
PENGERUSI JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM, UTILITI DAN TEKNOLOGI HIJAU
MERANGKAP ADUN KUALA BERANG (N.23)

## SAJAK
## KAWASANKU TERENGGANU MAJU BERKAT SEJAHTERA
## OLEH ENCIK MOHD ANUAR BIN MOHD SIDEK
## JABATAN PELANCONGAN NEGERI TERENGGANU

Negeriku..Negeri bertuah ini
Tanah air tercinta tiada galang gantinya
Disini kita dilahirkan, Disini kita dibesarkan
Disinilah jua taat setia dicurahkan
Dan kini tiba saatnya Siri Jelajah Banci Malaysia muncul di bumi bertuah ini..
Demi merungkai penemuan hasil Banci Malaysia 2020
Semua berpakat bergerak bersatu mengerah keringat bagi tujuan yang satu
Membawa kesejahteraan buat rakyat di bumi bertuah ini..



Negeriku.. Negeri bertuah ini
Warisan nenek moyangku
Indah permai seluas lautan dipandang
Hijau damai hutan indah mata memandang
Satu negeri penuh harmoni
1.1 juta rakyatnya saling menyantuni

Negeriku.. Negeri bertuah ini..
Kaya adab budaya serta santun susilanya
Manisnya coretan senyum dari berbilang kaum
Isinya 97.7 peratus warganegara disulami 2.3 peratus bukan warganegara
Menambah rencah kesatuan ummah erat terpaut
Hitam putih boleh berpakat mampu bersatu
Kemaman ramai sungguh penduduknya..
Berbilang kaum dimerata cerok
Begitulah jugak padatnya orang di Kuala Terengganu
Kuala Nerus kuat sungguh orangnya berkerja buat..
Perintah agama begitulah jugok dia taat
Besut pulok agak rendah namun peluang kerja makin bertambah makin ceroh..
Orang kemaman rezekinya murah kediamannya banyak  disetiap arah
Begitulah cerita dari parlimen kite sedikit sebanyak janganlah disanggah
Tidak kurang jugak cerita dari dun kite
Orang muda gagoh perkasa ramailah sungguh di kemasik harapnya tidaklah ralik
Orang ladang rajin sungguh berkerja buat bukan kerja asal buat
Ramainya warga emas di telemong pakat jaga pakatlah santuni janganlah buat sombong
Dun bandar tidaklah ramai awang dan mek nya tapi padat bandarnya sungguh meriah

Negeriku.. Negeri bertuah ini..
Orang datang melimpah ruah..mencari rezeki dibumi bertuah
Menumpang hidup tenaga dicurah..betapa disini rezekinya murah
Penemuan Banci Malaysia bukan sekadar hanya dibukunya..lebih dari itu segala gerak kerja disusun rapi demi kepentingan seluruh anak negeri
Hutan diteroka menjadi ladang
Desa-desa dibangunkan
Bandarnya pula dimodenkan
Rakyatnya bersama mengecap nilai insan

# PETIKAN UCAPAN SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN

"SELARAS DENGAN VISI DAN MOTO KERAJAAN NEGERI UNTUK BANGUNKAN NEGERI INI MENJADI NEGERI MAJU BERKAT SEJAHTERA, SUDAH TENTU TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK MELAINKAN KITA MEMPUNYAI MAKLUMAT DAN STATISTIK YANG TEPAT TERHADAP PENDUDUK DALAM SEMUA BIDANG/SEKTOR"

Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya bin Ali
Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu



"DATA DI SESUATU KAWASAN AMAT PENTING UNTUK MEMASTIKAN BANTUAN SEWAJARNYA SAMPAI KE SASARAN YANG TEPAT TANPA PEMBAZIRAN"

"DATA ADALAH SESUATU PERKARA YANG AMAT POWERFUL, DENGAN MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN DATA DAN FAKTA YANG TERSEDIA, PERBINCANGAN MENJADI LEBIH BERILMIAH"

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia
merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia 2020



# SEKALUNG PENGHARGAAN

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Siri Jelajah Parlimen dan DUN: Penemuan Utama Banci Malaysia 2020, Negeri Terengganu yang berlangsung di Dewan Besar Wisma Darul Iman, Terengganu pada 22 Jun 2022.





















